

**Yang di-Pertuan Agong, Raja Permaisuri Berkenan Bida Barangan Pada Lelongan Amal YSB  
Bernama  
Mei 31, 2014**

ALOR SETAR, 31 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berkenan membida barangan ketika berangkat ke Karnival Amal Hari Penyayang 2014 di Stadium Darul Aman pada Sabtu.

Karnival itu merupakan acara tahunan anjuran Yayasan Sultanah Bahiyah (YSB) bagi mengumpul dana untuk membantu rakyat Kedah yang tidak berkemampuan.

Tuanku Abdul Halim berkenan membida sebuah lukisan minyak pada kanvas bertajuk 'Horses of Glory' pada harga RM35,000 dan sebilah keris panjang dengan nilai RM20,000 manakala Raja permaisuri Agong membida gambar gubahan ukiran bunga logam pada harga RM35,000 dan lukisan kanak-kanak dengan nilai RM3,000.

Barangan lain yang dilelong pada karnival tiga yang berakhir hari ini termasuk potret Tuanku Abdul Halim dan Tuanku Hajah Haminah, yang akan ditandatangani Seri Paduka Baginda.

Sebanyak 20 barangan dilelong pada karnival kali ini berjumlah RM750,000 yang akan dimasukkan ke tabung YSB.

Turut berangkat pada majlis itu Tunku Temenggong Kedah Tan Sri Tunku Sallehuddin Sultan Badlishah, Tunku Laksamana Kedah Tan Sri Tunku Abdul Hamid Thani Sultan Badlishah dan Tunku Panglima Besar Kedah Tan Sri Tunku Puteri Intan Shafinaz Sultan Abdul Halim, yang juga Pengerusi YSB.

Hadir sama Menteri Besar Datuk Seri Mukhriz Tun Dr Mahathir dan barisan exco kerajaan negeri.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1042885>